



GRADUATE EMPLOYABILITY MANAGEMENT SCHEME



PENGENALAN

Skim Pengurusan Kebolehpasaran Siswazah (GEMS) adalah salah satu inisiatif Kerajaan bagi melengkapkan siswazah dengan kemahiran dan pengalaman yang bernilai komersial yang seterusnya akan meningkatkan peluang mereka untuk mendapatkan pekerjaan. Skim ini adalah sebahagian daripada usaha Kerajaan untuk memobilisasikan modal insan tempatan bagi menyokong pertumbuhan ekonomi negara. GEMS dijangka akan melatih seramai 2,000 siswazah bagi 2011. Antara 2009 hingga 2010, GEMS telah berjaya melatih seramai 6,000 siswazah di seluruh Malaysia.

PROGRAM GEMS

Program GEMS terbahagi kepada dua bahagian:

Bahagian Pertama: Para siswazah akan menjalani latihan dalaman selama **2 bulan** yang mana mereka akan didedahkan kepada kemahiran dan kualiti yang akan membantu meningkatkan keyakinan serta kebolehan mereka untuk berkomunikasi dan juga menguruskan tugas-tugas dan tanggungjawab yang penting dalam tugas harian mereka. Program ini akan dikendalikan serentak di beberapa lokasi di seluruh Malaysia.

Bahagian Kedua: Ini akan diikuti dengan latihan praktikal selama **6 bulan** di pelbagai organisasi dan institusi termasuk Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), Syarikat Senarai Awam (PLC), Syarikat Multinasional (MNC), Syarikat Industri Kecil dan Sederhana (IKS), Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan Agensi Kerajaan yang terpilih. Ini akan memberikan mereka pengalaman bekerja serta pengetahuan bagi membantu pertumbuhan masa depan peserta.

TERMA DAN SYARAT

1. Terbuka kepada siswazah warganegara Malaysia yang mempunyai ijazah yang diiktiraf.
2. Memperoleh PNGK minimum 2.5 atau setaraf dengannya.
3. Pemohon mestilah bujang, sanggup untuk ditempatkan di mana-mana pusat latihan dan berumur 27 tahun ke bawah.
4. Pemohon hendaklah sanggup untuk menjalani latihan praktikal di mana-mana organisasi yang akan ditetapkan.
5. Pemohon hendaklah bercita-cita tinggi dan mempunyai kemahuan yang kuat untuk memulakan kerjaya dalam sebuah organisasi.

TEMPOH PROGRAM

Tempoh program adalah selama 8 bulan.

PROGRAM LATIHAN

Pemohon yang berjaya akan menjalani latihan dalaman selama 2 bulan dan latihan praktikal di pelbagai organisasi dan institusi termasuk GLC selama 6 bulan.

ELAUN BULANAN

Pemohon yang berjaya akan menerima elaun bulanan RM1,000.

TEMPAT PENGINAPAN

Tempat penginapan, makan dan minum akan disediakan sepanjang latihan dalaman yang akan dikendalikan selama 2 bulan.

CARA MEMOHON

Pemohon boleh mengisi borang permohonan secara talian terus melalui laman sesawang di alamat:

www.mygemsportal.com.my

PERHATIAN

Hanya pemohon yang disenarai pendek sahaja akan dihubungi. Semua keputusan adalah muktamad dan sebarang rayuan tidak akan dilayan.

